

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 1/1971.**

Semua Pemungut-pemungut Hasil Tanah.

Membuat Keputusan Dalam Perbicaraan Tarekah Kecil atau Pengambilan Balik Tanah.

Ada didapati beberapa Kes Tarekah Kecil atau pengambilan balik tanah tidak dibuat keputusan oleh Pemungut Hasil Tanah atau Penolongnya yang membicarakan Kes-kes itu. Adakalanya pula Pegawai yang membincangkan sesuatu kes itu bertukar ke lain Daerah yang menyebabkan kes yang telah dibicarakan itu tidak dibuat apa-apa keputusan.

2. Bagi mengelakkan berlakunya perkara yang seumpama ini Pemungut-pemungut Hasil Tanah atau Penolong-penolongnya yang terlibat dalam perbincangan perbicaraan itu hendaklah mengambil langkah membuat keputusan serta 'grounds of judgement' dengan seberapa segera jua setelah selesai perkara itu dibicarakan. Ini ialah bagi mengelakkan supaya butir-butir perbicaraan itu tidak luput dari ingatan mereka yang kalau dibiarkan berlamaan dengan tidak dibuat keputusan, mungkin segala butir-butir keputusan kena diteliti dan disemak semula.

3. Mana-mana pegawai yang telah bertukar ke daerah-daerah lain yang telah membicarakan sesuatu kes dan belum membuat keputusan dan lain-lain hendaklah membuat keputusannya akan kes yang dibicarakan apabla buku ataupun fail perbicaraan itu diedarkan kepadanya oleh Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan.

t.t.
(DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)
Pengaruh Tanah dan Galian,
Terengganu.

Bil. 13/66/1 SEM. - (1)

s.k.
Yang Berhormat,
Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Settlement Collector,
Terengganu.

Kuala Terengganu, 13hb. Mei, 1971.